

**SADD AL-DHARA'I' ARGUMENT AND ITS ROLE IN THE PROHIBITION OF RIBA TRANSACTION ON AL-BUYU'****PENGHUJAHAN SADD AL-DHARA'I' DAN PERANANNYA DALAM PENGHARAMAN URUSNIAGA RIBA AL-BUYU'**Mohd Nasir Abdul Majid¹ & Mohammad Zaini Yahaya²

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia; AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). nasirmajid08@usim.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia; AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). zainiyahya@ukm.edu.my

Abstract

This study discusses the argument of sadd al-dhara'i' in the ijtiḥad of the fuqaha, its legitimacy as a source of ijtiḥad and its effect on Shariah jurisprudence of prohibition of riba al-buyu'. The objective of this study is to invite Muslims to understand the approach of ijtiḥad through sadd al-dhara'i' and so that the comprehensiveness of Islamic fiqh law is not seen as something narrow. The method of this study refers to library research which is the main information in addition to evaluating the application of sadd al-dhara'i' submission in the prohibition of riba al-buyu'. By analyzing the position of sadd al-dhara'i' through the discussion of the mujtahids who accept and those who reject it, this study finds that it strongly supports the Islamic texts whether general or specific in the prohibition of riba al-buyu' suitable to be used as a basis and source in determining a law especially the current law of muamalat maliyyah, in an effort to prevent the occurrence of riba, gharar, oppression and other elements of mafsadah while performing the muamalat activity.

Kata kunci: *Sadd Al-Dhara'i', Al-Buyu', Ijtiḥad, Riba, Muamalat.*

Abstrak

Kajian ini membincangkan penghujahan sadd al-dhara'i' dalam ijtiḥad para fuqaha, kewajarannya sebagai sumber ijtiḥad serta kesannya terhadap hukum pengharaman riba al-buyu'. Objektif kajian ini ialah untuk mengajak umat Islam agar memahami pendekatan ijtiḥad melalui sadd al-dhara'i' dan supaya kesyumulannya hukum fiqh Islam tidak dipandang sebagai sesuatu yang sempit. Metod kajian ini merujuk kepada penyelidikan perpustakaan yang merupakan maklumat utama di samping menilai aplikasi penghujahan sadd al-dhara'i' dalam pengharaman riba al-buyu'. Dengan menganalisa kedudukan sadd al-dhara'i' melalui perbincangan para mujtahid yang menerima dan yang

menolaknya, kajian ini mendapati ia amat menyokong nas-nas Syarak samada yang umum atau khusus dalam pengharaman riba al-buyu' sesuai untuk dijadikan asas dan sumber dalam penetapan sesuatu hukum terutamanya hukum muamalat maliyyah masa kini, sebagai usaha mencegah daripada berlakunya riba, gharar, penindasan dan unsur-unsur mafsadah lain semasa melakukan aktiviti muamalat tersebut.

Keywords: *Sadd Al-Dhara'i', Al-Buyu', Ijtihad, Riba, Muamalat.*

PENDAHULUAN

Pensyariatan muamalat *maliyyah* Islam berfungsi sebagai sesuatu sistem yang penting dalam proses hubungan dengan Pencipta di samping mengurus dan melancarkan kehidupan serta perkembangan manusia. Kedinamikan muamalat *maliyyah* Islam terserlah kerana ia mengambil kira faedah dan kemudharatan yang diperolehi kepada kedua-dua pihak yang berurusan serta masyarakat.

Para fuqaha ketika menyusun panduan-panduan dalam sistem ekonomi dan muamalat, telah menghalusi pelbagai aspek dalam ijtihad mereka agar setiap hukum fiqh yang berkaitannya lebih efisien dan tidak terpesong dari asas al-Quran dan al-Sunnah. Asas hukum "harus secara umum bagi muamalat" tidak boleh dilihat sebagai mengharuskan segalanya hingga kerukunan sesuatu masyarakat diabaikan.

DEFINISI SADD AL-DHARA'I'

Sadd al-dhara'i' terdiri dari gandingan dua perkataan yang berasingan iaitu *sadd* dan *al-dhara'i'*. Ia disatukan untuk mewujudkan satu makna khusus. Oleh itu, untuk mengetahui maksud *sadd al-dhara'i'* secara tepat perlulah didefinisikan dahulu kedua-dua perkataan tersebut secara berasingan. Kemudian disusuli definisi secara bergandingan.

Perkataan *sadd* dari segi etimologi, adalah membawa makna *al-radm* yang bermaksud tutup (Ibn Manzur T.th). Manakala dari segi terminologi, ia juga turut memberi makna menutup.

al-Dhara'i' dari sudut bahasa ialah kata jamak bagi *al-dhari'ah*. Ia mempunyai beberapa makna yang berbeza, namun maksud yang dikehendaki dalam tajuk perbincangan ini ialah tiap-tiap sesuatu perantaraan atau jalan yang membawa ke arah suatu perkara atau suatu penghubung yang menghubungkannya dengan sesuatu (Ibn Manzur T.th).

Pada istilah ahli *usul al-fiqh* pula, para ulama memberi pelbagai pengertian yang berbeza terhadap perkataan *al-dhari'ah*. Situasi ini berlaku berdasarkan pemahaman mereka yang berbeza terhadap gandingan perkataan *al-sadd* dan perkataan *al-dhara'i'*. Bagi mereka yang melihat perkataan *al-dhara'i'* bermakna "penghubung" dalam bentuk yang umum dan luas, yang boleh berlaku sama ada terhadap perkara yang disyariatkan (diperintah) atau yang dilarang, maka mereka mengeneipkan perkataan *al-sadd* (menutup) sebagai judul perbincangan mereka.

Manakala mereka yang melihat maksud "penghubung" itu hanya digunakan khusus pada perkara yang dilarang dan tidak pada perkara yang disuruh, maka mereka akan mengekalkan perkataan tersebut (*sadd*) dalam perbincangan mereka.

Oleh itu, dalam mendefinisikan perkataan *al-dhari'ah*, para ulama berselisih pendapat untuk memberi maksud yang tepat bagi perkataan ini. Perselisihan tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:

Pertama

Golongan yang berpendapat *al-dhari'ah* ialah suatu yang menjadi perantara kepada sesuatu sama ada ke arah perkara yang diharamkan atau dihalalkan. Pendapat ini dipelopori oleh al-Imam Ibn Qayyim (1968) dan al-Qarafiyy (1973). Semasa membahaskan tajuk ini al-Qarafiyy mentakrifkannya sebagai:

الذريعة هي الوسيلة للشئ

Maksudnya, "al-Dhari'ah itu ialah setiap jalan (perantara) kepada sesuatu" (al-Qarafiyy, 1973).

Kedua

Golongan ini berpendapat ia merupakan suatu perkara yang hukum asalnya harus tetapi menjadi penghubung atau perantara ke arah perkara yang dilarang. Pendapat ini diutarakan oleh al-Imam al-Shatibiyy (2001), al-Bajiy (1986), al-Qurtubiyy (1967), Ibn Rushd (1988) dan lain-lain. Ini dibuktikan dengan kata-kata Ibn Rushd:

هي الأشياء التي ظاهرها الإباحة ويتوصل بها إلى فعل محظور

Maksudnya, "al-Dhari'ah ialah setiap perkara yang zahirnya harus dan dalam masa yang sama ia membawa kepada perbuatan yang ditegah" (Ibn Rushd, 1988).

Ketiga

Pendapat ini dinyatakan oleh Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah (1993) dalam kitabnya seperti berikut:

الذريعة ما كان وسيلة وطريقا إلى الشئ لكنها صارت في عرف الفقهاء عبارة عما أفضت إلى فعل محظور

Maksudnya, "al-Dhari'ah adalah penghubung atau jalan ke arah sesuatu perkara, tetapi ia lebih dikenali pada 'urf para fuqaha sebagai sesuatu yang membawa ke arah perkara haram".

Setelah melihat kepada perbincangan ulama semasa mendefinisikan perkataan *al-dhari'ah* dari sudut istilah dapat dirumuskan di sini bahawa definisi yang paling tepat bagi perkataan itu ialah sesuatu yang pada asalnya adalah harus, tetapi atas sebab dan faktor yang kuat ia boleh membawa kepada perkara yang dilarang. Definisi ini dilihat tepat apabila ia disandarkan kepada perkataan *sadd* yang bererti "menutup".

Oleh itu apabila ditakrifkan secara bergandingan perkataan *sadd* dan *al-dhara'i'*, maka ia membawa maksud menutup atau menghalang melakukan sesuatu perkara yang pada asalnya adalah harus tetapi dengan sebab, faktor dan sangkaan yang kuat ia boleh membawa kepada sesuatu yang dilarang. Dengan kata lain: mengharamkan *wasilah* (penghubung) yang membawa kepada *mafsadah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan. Melalui kaedah kepustakaan ini, ia melibatkan rujukan dan pengumpulan data-data yang berkaitan dengan kajian dari al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab muktabar, jurnal ilmiah, serta kertas-kertas kerja seminar dan lain-lain. Metod kajian ini merujuk kepada penyelidikan perpustakaan yang merupakan maklumat utama di samping menilai aplikasi penghujahan *sadd al-dhara'i'* dalam pengharaman riba *al-buyu'*.

PENDIRIAN ULAMA TERHADAP PENGGUNAAN *SADD AL-DHARA'I'* DALAM IJTIHAD

Perbincangan ini meliputi pendirian ulama mengenai kedudukan serta penggunaan *sadd al-dhara'i'* sebagai rujukan semasa berijtihad serta punca kepada perbezaan pendapat di kalangan mereka. Melalui penulisan para ulama, perselisihan pendapat yang berlaku di kalangan mereka dapat disimpulkan pendirian mereka terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan yang menerima *sadd al-dhara'i'* sebagai hujah Syarak sama ada secara langsung atau sebaliknya dan golongan menolaknya sama sekali (Mahmud Hamid 'Uthman, 1996)

Golongan Yang Menerima

Golongan ini berpendapat bahawa *sadd al-dhara'i'* secara umumnya boleh dijadikan sebagai sumber hukum atau salah satu sumber semasa pembinaan sesuatu hukum Syarak. Pendapat ini dipelopori oleh *jumhur* ulama di kalangan mazhab empat iaitu Hanafiyy, Malikiyy, Shafi'iy dan Hanbaliyy.

Namun penerimaan tersebut tidak secara sepakat di kalangan mereka, dalam keadaan tertentu mereka bercanggah pendapat tentang bentuk serta cara pemakaiannya dalam sesuatu masalah hukum. Misalnya mazhab Malikiyy dan Hanbaliyy menghukumkan *bay' al-'inah* haram berdasarkan *sadd al-dhara'i'*, manakala mazhab Shafi'iy berpendapat *bay' al-'inah* adalah harus dan menolak sama sekali penggunaan *sadd al-dhara'i'* dalam situasi ini.

Golongan Menolak

Golongan ini secara jelas menolak *sadd al-dhara'i'* untuk dijadikan sebagai sumber hukum atau kaedah semasa berijtihad dalam apa keadaan sekalipun kerana penggunaannya adalah termasuk dalam katogori *ijtihad bi al-ra'y* pendapat ini dipelopori oleh Ibn Hazm dan pengikutnya yang dikenali dengan mazhab al-Zahiriyyah kerana pegangan mereka yang tidak menerima *ithibat* hukum kecuali hanya dengan *zahir nass* al-Quran dan al-Sunnah dan menolak *ijtihad* berdasarkan *'illah nass* atau *sebab musabbab nass* (Muhammad Abu Zahrah, 1997). Ia sejajar dengan pegangan mereka yang menolak penggunaan akal dalam ijtihad dan hanya berpandukan *zahir al-nass*.

PERBINCANGAN *SADD AL-DHARA'I'* DALAM PENGHARAMAN RIBA

Perkataan *al-riba* adalah perkataan Arab yang mengikut penggunaan umum ia membawa maksud sesuatu yang bertambah, subur atau lebihan (al-Fayruz Abadiyy, t.th; al-Shirbiniyy, t.th).

Ulama berbeza pendapat tentang pengertian riba mengikut istilah Syarak. Mereka memberikan takrif riba dalam pelbagai versi. Fuqaha mazhab Hanafiyy mentakrifkan riba sebagai:

فضل مالا بلا عوض في معاوضة مال بمال

Maksudnya, "Harta lebihan tanpa tukaran (*gantian*) di dalam sesuatu tukaran harta dengan harta" (Ibn 'Abidin, 1996).

Fuqaha mazhab Shafi'iy mendefinisikannya sebagai:

عقد على عوض مخصوص غير معلوم التماثل في معيار الشرع حالة العقد أو مع تأخير في البدلين أو أحدهما

Maksudnya, "Suatu kontrak pertukaran harta tertentu yang tidak diketahui ada persamaan nilainya mengikut Syarak ketika kontrak diadakan atau berlakunya penangguhan

penyerahan antara dua harta yang dikontrakkan atau salah satu daripadanya” (al-Shirbiniyy, T.th).

Definisi Fuqaha mazhab Malikiyy hampir sama dengan pengertian yang dibuat oleh Fuqaha mazhab Hanbaliyy iaitu:

تفاضل في أشياء ونساء في أشياء مختص بأشياء

Maksudnya, “Suatu lebihan dalam pertukaran sesuatu, atau ada penangguhan bayaran dalam pertukaran barang-barang tertentu” (al-Bahutiyy, t.th; al-Hajawiyy, t.th.; al-‘Adawiyy, ‘Aliyy al-Sa’idiyy, t.th.).

Berdasarkan takrif yang diberikan oleh fuqaha itu dapat difahami bahawa kontrak yang membawa kepada riba itu meliputi sesuatu yang ada lebihan salah satu harta dalam pertukaran atau berlaku pembayaran lebih daripada hutang asal dengan berlakunya penangguhan bayaran atau berlaku penangguhan serahan pertukaran salah satu daripada barang tertentu yang dikontrakkan.

Pembahagian Riba

Secara umumnya riba terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- i. Riba *al-Qurud*.
- ii. Riba *al-Buyu’*.

Riba *al-Qurud*

Ia merupakan riba yang berlaku melalui hutang atau pinjaman. Riba ini juga dinamakan dengan riba *al-jahiliyyah*, dinamakan demikian kerana hanya riba bentuk ini yang masyhur diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyyah (Muhammad Abu Zahrah, 1970; al-Shawkaniyy, 1993) dan *al-nasi’ah*. Manakala Ibn Qayyim (T.th) menamakannya sebagai riba *jaliyy* (jelas), beliau menamakan demikian kerana pengharamannya jelas daripada al-Quran dan jelas kemudharatannya terhadap manusia.

Menurut al-Jassas amalan riba yang menjadi kebiasaan masyarakat Arab *Jahiliyyah* mempunyai beberapa bentuk dan ketika ayat pengharaman riba diturunkan amalan tersebut sedang berjalan. Ia merupakan riba *al-qurud* kerana melibatkan amalan peminjaman wang dan mengenakan bunga. Antara bentuk riba yang diamalkan mereka adalah seperti berikut (al-Jassas, 1992; al-Zuhayliyy, 1998; al-Shawkaniyy, T.th; al-Jaziriyy, t.th):

- i. Penghutang meminjam sejumlah wang untuk satu tempoh mengikut persetujuan iaitu penghutang mesti membayar lebih atas jumlah pokok hutang atau pinjamannya apabila memulangkan pinjamannya.
- ii. Seorang yang memberi hutang atau pinjaman wang kepada seseorang secara bertempoh dan mengambil bunganya setiap bulan. Hutang atau pinjaman pokok kekal sehingga tempoh tamat. Apabila sampai pada tarikh tamat tempoh, sekiranya penghutang gagal membayar kembali hutang pokok, tempoh membayar pokok akan dipanjangkan lagi hingga kepada suatu masa. Pemiutang akan meneruskan pengambilan bunganya sahaja sehingga sampai tamat tempoh baru tersebut, dengan kata lain riba jenis ini lebih menepati maksud sewa wang. Pemberi wang menyewakan wangnya untuk mengambil sewa setiap bulan sehingga satu tempoh.
- iii. Seorang yang menjual barangan secara bertempoh kepada satu tempoh tertentu, kemudian apabila sampai tempoh berkenaan pembeli gagal membayar harganya,

lalu dipanjangkan lagi tempoh membayar dengan menambahkan lagi bunga yang mesti dibayar terhadap harga barangan tersebut.

Riba *al-Buyu'*

la adalah riba yang berlaku melalui jual beli. Ia juga dikenali dengan riba *al-fadl* (al-Shirbiniyy, T.th) dan *al-khafiyy* (Ibn Qayyim 1968). Riba *al-buyu'* ialah riba yang berlaku dalam jual beli barangan *ribawiyy* sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya:

{ عن عبادة بن الصّامت قال قال رسول الله ﷺ الذهب بالذهب والفضّة بالفضّة والبرّ بالبرّ والشّعير بالشّعير والتّمر بالتّمر والملح بالملح مثلاً بمثل سواء بسواء يدا بيد فإذا اختلت هذه الأصناف فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد }

Maksudnya, "Daripada 'Ubadah ibn Samit berkata telah bersabda Rasulullah SAW berjual belilah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam dengan jumlah yang sama dan jenis yang sama serta diserahkan di majlis akad. Sekiranya apa yang kamu tukarkan itu berbeza daripada jenisnya maka kamu boleh berjual beli mengikut kehendak kamu asalkan berlaku secara tunai" (Hadis. Muslim. Kitab Al-Buyu', Bab Al-Riba).

Dalam hadis tersebut, Rasulullah SAW menjelaskan cara berjual beli barangan yang dikategorikan sebagai barangan *ribawiyy*. Barangan tersebut ialah emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam. Para fuqaha bersepakat tentang hukum haramnya riba *al-buyu'* pada barangan *ribawiyy* yang disebutkan dalam hadis tersebut, namun mereka berbeza pendapat apabila ia melibatkan barangan selain daripada yang disebutkan dalam Hadith itu.

Fuqaha mazhab Zahiriyy berpendapat bahawa pengharaman riba *al-buyu'* hanya terbatas kepada barangan *ribawiyy* yang disebutkan oleh hadis tersebut. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad ibn Hanbal berpendapat bahawa pengharamannya meliputi semua jenis barang yang bersukat dan bertimbang, yang dijual secara sama jenis. Imam al-Shafi'iy pula berpendapat pengharamannya meliputi matawang (emas dan perak) dan jenis makanan walaupun ia tidak termasuk barangan yang disukat atau bertimbang. Imam Malik pula berpendapat pengharamannya melibatkan jenis makanan asasi dan yang berkaitan dengannya. Sementara Sa'id ibn Musayyab mengkhhususkannya kepada makanan hanya makanan yang disukat atau ditimbang sahaja. Ini juga merupakan salah satu pendapat bagi Imam al-Shafi'iy dan Imam Ahmad (al-Zuhayliyy, 1998).

Riba *al-buyu'* meliputi dua bentuk riba iaitu *al-nasa'* yang bermaksud jual beli bertanggung/tidak secara tunai dan *al-fadl* yang bermaksud melebihi iaitu berlaku pertambahan pada salah satu tukaran bagi jual beli barangan *ribawiyy* (Muhammad Salah al-Sawiyy, 1990; al-Zuhayliyy, Wahbah, 1998).

Sebahagian ulama berpendapat *al-nasi'ah* dan *al-nasa'* adalah dua perkataan yang sama maknanya. Manakala sebahagian fuqaha yang lain pula membezakannya di mana *al-nasa'* adalah riba yang berlaku pada jual beli. Sementara *al-nasi'ah* adalah riba yang berlaku pada pinjaman. Walau bagaimanapun kedua-duanya menggambarkan unsur pertambahan akibat daripada penangguhan, tunda atau menunggu (Muhammad Abu Zahrah, 1970; Muhammad Sabri Harun, 1999).

Secara amnya, kesemua barangan *ribawiyy* yang disebutkan dalam hadis dapat diklasifikasikan kepada dua kategori. Kedua-dua kategori tersebut menjadi *'illah* atau sebab

riba. Mana-mana barangan lain yang mempunyai sifat yang sama dapat diklasifikasikan mengikut jenis barangan tersebut. Ini kerana penentuan sesuatu itu termasuk dalam riba atau tidak, adalah bergantung kepada *'illah*. Klasifikasi yang dimaksudkan ialah barangan yang bersifat sebagai pengukur nilai dan makanan asasi yang tahan disimpan.

- i. Barangan yang menjadi pengukur nilai: ia merujuk kepada emas dan perak. Emas dan perak menjadi pengukur nilai kerana sifatnya yang kukuh untuk menjadi sandaran nilai. Emas misalnya sejak dahulu menjadi pengukur nilai kepada rizab sesebuah negara dan sandaran nilai untuk mencetak wang.
- ii. Makanan asasi yang tahan disimpan: ia merujuk kepada gandum, barli dan garam. Maksud makanan asasi ialah makanan yang menjadi makanan ruji sesuatu tempat dan tahan untuk disimpan dalam beberapa tempoh waktu.

Riba *al-buyu'* ini boleh dielakkan menurut apa yang diterangkan oleh hadis Rasulullah SAW sebelum ini. Berpandukan kepada hadis tersebut, fuqaha telah meletakkan syarat-syarat khusus bagi jual beli barangan *ribawiyy* yang mempunyai *'illah* yang sama dan jenis yang sama seperti berikut:

- i. Tukaran mestilah sama pada timbangan atau sukatan.
- ii. Kontrak dilakukan secara tunai iaitu berlaku serah menyerah dalam majlis akad.

Jika pertukaran melibatkan barangan *ribawiyy* yang mempunyai *'illah* yang sama tetapi berlainan jenis seperti pertukaran emas dan perak, maka ia hendaklah memenuhi satu syarat sahaja iaitu hendaklah berlaku serah menyerah dalam majlis akad secara tunai dan tidak disyaratkan sama timbangan dan sukatan. Namun syarat-syarat tersebut tidak lagi terpakai apabila pertukaran melibatkan barangan *ribawiyy* berlainan *'illah* seperti *'illah* pengukur nilai dengan makanan asasi atau pertukaran dengan barangan bukan *ribawiyy* atau sesama barangan yang bukan *ribawiyy* (Muhammad Salah al-Sawiyy 1990).

Pandangan Fuqaha Serta Bentuk Penghujahan *Sadd Al-Dhara'i'* Dalam Riba *Al-Buyu'*

Penghujahan *sadd al-dhara'i'* dalam pengharaman riba dapat dilihat dari sudut pengharaman sesuatu lebihan dalam kontrak. Ini berlaku dalam riba *al-buyu'*. Jumhur fuqaha berpendapat bahawa riba yang diharamkan oleh al-Quran adalah riba yang berganda-ganda lebihnya. Ia adalah riba yang sama dengan amalan yang dilakukan oleh masyarakat *jahiliyyah*, iaitu riba *al-nasi'ah* yang berlipat ganda lebihnya.

Tetapi pengambilan riba yang sedikit (seperti yang berlaku dalam riba *al-buyu'*) dan tidak berganda bukan merupakan riba yang diharamkan berdasarkan al-Quran tetapi adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW dan *sadd al-dhara'i'*. Ini kerana walaupun pengambilannya hanya sedikit tetapi ia dikira sebagai *al-dhara'ifah* kepada pengambilan yang banyak. Oleh itu pengharamannya adalah sebagai langkah mengelak daripada terlibat dengan pengharaman riba yang jelas (Mahmud Shaltut, 1991; Ibn Qayyim, 1968; al-Jaziriyy, t.th).

Secara terperinci pemakaian *sadd al-dhara'i'* dalam kontrak yang melibatkan riba *al-buyu'* boleh dilihat berdasarkan bentuk *al-fadl* dan *al-nasa'* sama ada bagi kontrak yang melibatkan barangan *ribawiyy* yang mempunyai *'illah* yang sama dan jenis yang sama atau yang hanya mempunyai *'illah* yang sama tetapi berlainan jenis. Ulasannya adalah seperti berikut:

Riba Al-Buyu' Bagi 'Illah Dan Jenis Yang Sama

Dalam situasi ini disyaratkan tidak berlaku lebih dalam timbangan (*al-tafadul*) dan mesti berlaku secara tunai. Ini bagi mengelak berlaku riba dalam bentuk *al-fadl* dan *al-nasa'*. Antara sebab pengharaman riba *al-buyu'* yang berbentuk *al-fadl* adalah bagi mengelak penipuan dalam jual beli dan kemudharatan kepada manusia. Perkara ini boleh dilihat misalnya apabila seseorang menjual satu dirham dengan dua dirham, sudah tentu di sana ada perbezaan antara dua jenis dirham itu sama ada salah satu baik dan yang lain kurang baik atau salah satunya berat dan yang lain ringgan. Ini kerana jika tidak ada perbezaan demikian masakan mereka menukarnya (jual beli). Seseorang tidak akan berbuat demikian kecuali untuk mengaut keuntungan.

Jika dibolehkan, kemungkinan mereka akan menggunakan peluang keharusan mengambil untung (lebih) dalam penjualan tunai (segera) tersebut kepada mengambil untung kemudian. Jika ini berlaku maka ia merupakan '*ayn* riba *al-nasa'* (Ibn Qayyim, 1968). Disebabkan mereka beranggapan kalau lebih semasa tunai sudah menguntungkan apatah lagi jika dibuat secara bertangguh.

Pada masa ini seseorang tidak akan menjual barangannya melainkan jika dilakukan secara tangguh (*al-nasa'*) disebabkan ketamakannya mengaut keuntungan yang datang daripada tempoh penangguhan tersebut iaitu pertambahan untung, hasil dari pertukaran jenis yang sama melalui kelewatan menyerahnya. Keadaan tersebut akan mendatangkan kemudharatan kepada masyarakat apatah lagi apabila ia melibatkan barangan keperluan dan asasi bagi masyarakat (Nasr Farid Wasil, 2000).

Pemakaian *sadd al-dhara'i'* juga boleh dilihat pada kontrak yang melibatkan harta yang berkualiti dengan harta yang tidak berkualiti. Dalam keadaan ini kedudukan kedua-duanya adalah sama. Oleh itu tidak boleh menjual harta yang berkualiti baik dengan yang bekualiti tidak baik kecuali secara sama banyak. Ini kerana dalam konteks barangan *ribawiyy*, sifat baik itu tergugur bersesuaian dengan kaedah Syarak iaitu (al-Zuhayliyy, 1998): جيدها ورديتها سواء (yang tinggi kualitasnya dan yang rendah kualitasnya adalah sama) yang bersandarkan Hadith Rasulullah SAW yang berbunyi:

عن أبي سعيد الخدري أن رسول الله ﷺ قال لا تبيعوا الذهب بالذهب إلا مثلاً بمثل ولا تشفوا بعضها على بعض ولا تبيعوا منها غائباً بناجز

Maksudnya, "Jangan kamu jual beli emas dengan emas kecuali dengan sama banyak dan jangan kamu melebihi sebahagiannya atas sebahagian yang lain dan jangan kamu jual beli daripadanya sesuatu yang tiada dengan sesuatu tunai" (Hadis. al-Bukhariyy. *Kitab Al-Buyu', Bab Bay' Al-Fiddah Bi Al-Fiddah*; Muslim. *Kitab Al-Buyu', Bab Al-Riba*).

Larangan ini supaya penukaran yang baik dengan yang kurang baik itu tidak dijadikan *al-dhara'ah* kepada pembatalan larangan Syarak yang melarang adanya *al-tafadul* (lebih). Disebabkan pada kebiasaannya manusia tidak akan menukar sesuatu barang dengan barang lain jika kedua-dua barang tersebut sama dalam semua segi. Mereka hanya bersedia menukar sesuatu barang dengan suatu barang lain yang sama jenis jika mempunyai perbezaan antara keduanya. Oleh itu diharamkan perbuatan ini kerana ia menyerupai riba dan *al-dhara'ah* kepada riba yang jelas (Ibn Qayyim, 1968).

Riba *Al-Buyu'* Bagi 'illah Yang Sama Tetapi Jenis Yang Berbeza

Sementara bagi barangan yang mempunyai 'illah yang sama tetapi berbeza jenis, situasinya adalah berlainan. Ini kerana sifat, jenis dan tujuannya berbeza dengan barangan yang sama jenis. Oleh itu jika disyaratkan di sini perlu adanya persamaan pada timbangan maka ia akan menyusahkan pihak yang berkontrak dan jika dibenarkan adanya pertanggung/ansuran seperti menjual gandum dengan barli salah satunya tunai dan yang lain bertanggung maka ia akan membawa (*al-dhari'ah*) kepada perbuatan Arab Jahiliyyah semasa sampai masa pembayaran mereka berkata "sama ada engkau ingin bayarnya atau ingin bayaran riba".

Sehubungan itu demi meraikan kemaslahatan umat, Syarak hanya mensyaratkan agar ia berlaku secara tunai (*yadan bi yadin*), maka terhasillah keperluan manusia untuk melakukan pertukaran barangan (Nasr Farid Wasil, 2000). Jelas di sini, pemakaian *sadd al-dhara'i'* adalah supaya keharusan berlebih kurang dalam kes barang yang berbeza jenis tidak dijadikan sebagai cara untuk melakukan riba *al-nasa'* atau disebut juga oleh ulama *al-nasi'ah*. Seperti seorang yang berhutang emas daripada seseorang untuk tempoh tertentu kemudian dia membayarnya dengan perak melebihi kadar yang sepatutnya dengan dimasukkan kadar riba yang dikehendaki itu sekali (Ibn Qayyim, 1968; al-Zuhayliyy, 1998).

PENUTUP

Para fuqaha menerima *sadd al-dhara'i'* sebagai satu sumber dan asas semasa ijtihad sebagai satu sumber perundangan, mereka menggunakan *sadd al-dhara'i'* bukan hanya sebagai asas sebelum menentukan sesuatu hukum tetapi juga sebagai penyokong atau penguat terhadap hukum fiqh tersebut. Penumpuan penggunaan *sadd al-dhara'i'* dalam pengharaman riba *al-buyu'* oleh fuqaha ini merujuk kepada penjagaan urusan akad-akadnya atau sebagai langkah *ihtiyat* (berwaspada) daripada unsur-unsur riba, *gharar* dan penindasan. Oleh itu ia berperanan dalam menentukan sesuatu akad itu sah atau batal.

Mengaplikasikan penghujahan *sadd al-dhara'i'* dalam pengharaman riba *al-buyu'* dan urusan muamalat *maliyyah* lain adalah bermaksud melaksanakan suatu tuntutan kemaslahatan umat dan menghindarkan dari kemudharatan serta kerosakan yang kemungkinan berlaku dalam keharmonian sistem muamalat bermasyarakat. Para fuqaha melihat semasa proses penghujahan *sadd al-dhara'i'* tersebut dalam dua bentuk. Bentuk pertama ialah *sadd al-dhara'i'* merupakan hujah penguat kepada *nass* yang umum dan bentuk kedua ialah *sadd al-dhara'i'* merupakan penyokong kepada *nass* yang khusus.

Ketiadaan *nass* yang khusus tidak bermaksud sesuatu akad itu diharuskan. Sebaliknya gabungan antara *nass* yang umum dan *sadd al-dhara'i'* boleh memastikan agar urusan akad itu lebih menjamin ia tidak menjejaskan ciri-ciri dan asas Syarak atau *maqasid al-Shari'ah* dalam aspek perhubungan sesama manusia.

RUJUKAN

- al-'Adawiyy, 'Aliyy al-Sa'idiyy. T.th. *Hashiyat Al-'Adawiyy 'Ala Sharh Abi Al-Hasan Li Risalat Ibn Zayd*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Bahutiyy, Mansur ibn Yunus ibn Idris. T.th. *Kashshaf al-Qina' 'An Matn al-Iqna'*. al-Riyad: Maktabat al-Nasr al-Hadithah.
- al-Bajiyy, Sulayman ibn Khalaf. 1986. *Ihkam Al-Fusul Fi Ahkam Al-Usul*. Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Bukhariyy, Abu 'Abdillah Muhammad ibn Isma'il. 2000. *al-Sahih*. Cetakan Bersama *Fath al-Bari* Karangan al-'Asqallaniyy, Ahmad ibn 'Aliyy ibn Hajar. Kitab al-Buyu'. Bab Bay' al-Fiddah Bi al-Fiddah. Bayrut: Dar al-Fikr.

- al-Fayruz Abadiyy, Majd al-Din Muhammad ibn Ya'qub. T.th. *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Jayl,
- al-Hajawiyy, Abu al-Nuja Sharf al-Din Musa. T.th. *Al-Iqna' Fi Fiqh Al-Imam Ahmad Ibn Hanbal*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. 1996. *Hashiyaf Radd Al-Muhtar 'Ala Al-Durr Al-Mukhtar*. Jil. 8. Misr: Maktab al-Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. T.th. *Lisan al-'Arab*. Jil. 20. T.tp: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif wa al-Tarjumah.
- Ibn Qayyim, Muhammad ibn Abi Bakr. 1968. *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb Al-'Alamin*. Misr: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubiyy. 1988. *al-Muqaddimat al-Mumahhidat li Al-Bayan Ma'a I'taqad Al-Mudawanah Min Ahkam Al-Shar'iyyah Wa Al-Tahsilat Al-Muhkamat Li Ummahat Masa'iliha Al-Mushkilat*. Bayrut: Dar al-Gharbiyy al-Islamiyy.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad ibn 'Abd. al-Halim. 1993. *Majmu' Min Al-Fatawa Al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Jassas, Abu Bakr Ahmad al-Raziyy. 1993. *Ahkam al-Qur'an*. Jil. 3 Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Jaziriyy, 'Abd al-Rahman. T.th. *Kitab Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Mahmud Hamid 'Uthman. T.th. *Qa'idat Sadd Al-Dhara'i' Wa Atharuha Fi Al-Fiqh Al-Islamiyy*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Mahmud Shaltut. 1991. *al-Fatawa*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Muhammad Abu Zahrah. 1970, *Buhuth Fi Al-Riba*. T.tp: Dar al-Buhuth al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Abu Zahrah. 1997. *Ibn Hazm Hayatuh Wa 'Asruh Wa Ara'uh Wa Fiqhuh*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Muhammad Sabri Harun. 1999. *Ahkam Al-Aswaq Al-Maliyyah (Al-Ashum Wa Al-Sanadat) Dawabit Al-Intifa' Wa Al-Tasarruf Biha Fi Al-Fiqh Al-Islamiyy*. Bayrut: Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Salah al-Sawiyy. 1990. *Mushkilat Al-Istithmar Fi Al-Bunuk Al-Islamiyyah Wa Kayfa 'Alajaha Al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Wafa'.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushayriyy al-Naysaburiyy. T.th. *al-Jami' al-Sahih. Kitab Al-Buyu', Bab Al-Riba*.
- Nasr Farid Wasil. 2000. *Buhuth Wa Dirasat Islamiyyah Fi Al-'Uqud Al-Ribawiyyah Wa Al-Mu'amalat Al-Masrafiyyah Wa Al-Siyasat Al-Naqdiyyah*. al-Qahirah: Maktabat al-Safa'.
- al-Qarafiiyy, Shihab al-Din Abu al-'Abbas Ahmad ibn Idris ibn 'Abd al-Rahman. 1973. *Sharh Tanqih Al-Fusul Fi Ikhtisar Al-Mahsul Fi Al-Usul*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Qurtubiyy, Muhammad ibn Ahmad. 1967. *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabiyy.
- al-Shatibiyy, Ibrahim ibn Musa. 2001. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shar'iah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkaniyy, Muhammad ibn 'Aliyy ibn Muhammad. 1993. *Fath Al-Qadir Al-Jami' Bayna Fannay Al-Riwayah Wa Al-Dirayah Min 'Ilm Al-Tafsir*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Shirbiniyy. T.th. *Mughniyy al-Muhtaj*. Jil. 4. Tt.tp: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1998. *al-Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah Wa Al-Shari'ah Wa Al-Manhaj*. Bayrut: Dar al-Fikr.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.